

Pertumbuhan sederhana akibat persekitaran luar mencabar, perdagangan perlahan

# Pertumbuhan KDNK negara 3.7 peratus

Oleh IKHWAN IDERIS

**PETALING JAYA** — Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.7 peratus pada 2023 selepas mengalami pertumbuhan kukuh tahun sebelumnya iaitu 8.7 peratus pada 2022.

Bank Negara Malaysia (BNM) dalam kenyataan semalam berkata, pertumbuhan menjadi sederhana kerana persekitaran luaran mencabar, disebabkan perdagangan global lebih perlahan, kitaran menurun teknologi global, ketegangan geopolitik dan dasar monetari lebih ketat.

“Di dalam negeri, meskipun dengan ketiadaan sokongan dasar yang besar apabila ekonomi mula berkembang pada 2022, kegiatan ekonomi dan keadaan pasaran pekerja terus pulih menyokong pertumbuhan tahun lalu. Prestasi pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh dimantapkan oleh kedudukan luaran yang berdaya tahan,” katanya.

Menurut BNM, meskipun dengan persekitaran jauhan yang mencabar, lebihan akaun semasa bagi tahun 2023 kekal mampan pada 1.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar



**PRESTASI** pertumbuhan ekonomi negara disokong oleh kepelbagaian struktur eksport merentasi pasaran dan produk. — GAMBAR HIASAN

(KDNK), disokong oleh kepelbagaian struktur eksport merentasi pasaran dan produk.

Selain itu, kekuahan kedudukan luaran turut dicerminkan oleh hutang luar negeri yang men-

urun kepada 68.2 peratus daripada KDNK pada 2023 (suku tahun ketiga 2023; 69 peratus) serta

kedudukan pelaburan antarabangsa bersih yang lebih tinggi iaitu 6.6 peratus daripada KDNK.

“Apa yang penting, hutang luar negeri kekal terurus berikutan profil tempoh matang dan mata wang yang menggalakkan.

“Satu pertiga daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, lantas menghadkan risiko mata wang, sementara 70 peratus hutang mempunyai tempoh jangka sederhana dan panjang,” ujarnya.

Sementara itu, Jabatan Perangkaan dalam kenyataannya berkata, prestasi ekonomi Malaysia seiring negara ASEAN lain yang menunjukkan pertumbuhan sederhana pada 2023 seperti Singapura pada 1.1 peratus (2022: 3.8 peratus), Indonesia 5.1 peratus (2022: 5.3 peratus) dan Filipina 5.6 peratus (2022: 7.6 peratus).

“Negara maju lain turut mencatat pertumbuhan sederhana seperti Korea Selatan 1.4 peratus (2022: 2.6 peratus) dan United Kingdom 0.1 peratus (2022: 4.3 peratus). Ekonomi China berkembang pada 5.2 peratus (2022: tiga peratus) dan Amerika Syarikat meningkat 2.5 peratus berbanding 1.9 peratus pada 2022,” ujarnya.